



**PENSYARAH di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) UTHM melakukan perbincangan berkaitan program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Multimedia Kreatif dengan Pendidikan dengan Kejuruan (BBT) di Institusi tersebut di Batu Pahat, Johor.**

# UTHM perkasa TVET dengan kursus baharu

**TVET**

Oleh **ADNAN IBRAHIM**

**D**ALAM usaha untuk terus memperkukuh peranan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) bakal menawarkan satu program baharu iaitu Ijazah Sarjana Muda Teknologi Multimedia Kreatif dengan Pendidikan dengan Kejuruan (BBT).

Program yang dijangka ditawarkan kepada pelajar-pelajar bermula semester satu bagi sesi akademik 2025/2026 itu direka untuk melahirkan graduan berkemahiran tinggi yang berdaya saing, selaras dengan keperluan pasaran kerja dan Industri global.

Ketua Program BBT, Profesor Madya Ts. Dr. Marilina Mohamad berkata, Program BBT merupakan program TVET pertama dalam kalangan Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang dibangunkan berdasarkan piawaian Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA).  
Katanya, COPTPA adalah panduan khusus



**DR. MARLINA (dua dari kiri) mewakili UTHM menandatangani MOU dengan Durioo Sdn. Bhd. bagi menjalin kerjasama strategik berhubung pelaksanaan work-based learning.**

**DR. MARLINA**

untuk program TVET, berbeza dengan Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) yang memberi fokus kepada program akademik.  
"Program tersebut direka untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang holistik kepada pelajar dan dibangunkan dengan penuh komitmen

**“Pendekatan Work-Based Learning (WBL) yang diterapkan bagi membolehkan pelajar menjalani latihan industri selama satu tahun sekali gus memberikan mereka peluang untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam dunia kerja sebenar, terutama untuk sektor teknologi multimedia kreatif dan pendidikan.”**

melalui penglibatan pelbagai pemegang taruh seperti pakar dari industri multimedia kreatif dan industri pendidikan, alumni serta majikan.

“Pendekatan Work-Based Learning (WBL) yang diterapkan membolehkan pelajar menjalani latihan industri selama satu tahun sekali gus memberikan mereka peluang untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam dunia kerja sebenar, terutama untuk sektor teknologi multimedia kreatif dan pendidikan,” katanya kepada *K-Kampus* baru-baru ini.

Menurutnya, usaha tersebut bertujuan memastikan program ini mampu memenuhi keperluan pasaran kerja yang semakin kompetitif serta sejajar dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 yang menuntut kemahiran kreatif, inovatif dan pemikiran kritikal.

Ujarnya, melalui penglibatan ini, program BBT dapat dirangka untuk memberi impak positif kepada pembangunan modal insan dan memenuhi permintaan industri global.

“FPTV turut menyokong pelaksanaan Dasar TVET Negara 2030 yang menggariskan hala tuju strategik dalam memperkukuh pembangunan bakat dan modal insan negara,” tambahnya.

Selaras dengan dasar itu, FPTV memberi tumpuan khusus kepada teras strategik ‘Kualiti dan Laluan Pendidikan Bertaraf Dunia’ dengan memastikan program BBT dirangka untuk memberi pendidikan berkualiti tinggi dan laluan pendidikan yang jelas kepada pelajar.

“Graduan program ini bukan sahaja dijangka dapat menikmati prospek pekerjaan dengan pendapatan yang lumayan tetapi juga menjadi pemacu kepada transformasi sektor teknologi multimedia kreatif negara.

“Program BBT menjadi bukti kesungguhan fakulti dalam menyokong aspirasi kerajaan dan menjadikan TVET sebagai pilihan utama kerajaan masa depan,” katanya lagi.

Menurut Marilina, UTHM melalui FPTV terus komited untuk menjadi peneraju transformasi pendidikan TVET di Malaysia dengan melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, inovatif dan kreatif. FPTV UTHM yang terletak di Batu Pahat, Johor menawarkan kursus-kursus pendidikan vokasional antaranya pembinaan bangunan, katering, kimpaan dan febrikasi logam, elektrik dan elektronik, peti sejuk serta penyaman udara.

Institusi ini memacu dalam melahirkan graduan-graduan yang dinamik, kreatif dan inovatif dengan mengintegrasikan soft skill dalam pengalaman pembelajarannya.